

UTUSAN MALAYSIA
15/10/2014

Program Konvoi Amal Pattani

KUALA TERENGGANU 14 Okt. - Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) akan mengadakan program Konvoi Amal Pattani, di wilayah Selatan Thai selama tiga hari mulai Jumat ini.

Program dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Universiti Pattani dan Yayasan Sabah Bakti disertai 19 pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bersama 50 penunggang motosikal berkuasa tinggi dari seluruh negara yang dikenali sebagai UnisZA Bikers.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pembangunan) universiti itu, Prof. Dr. Mohd. Ekhwani Toriman dalam satu kenyataan memberitahu, program amal itu adalah satu cetusan idea beliau dan Naib Canselor, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim yang mahukan UnisZA me-nyumbang di persada antarabangsa.

"Pelbagai aktiviti akan diadakan sepanjang program tersebut antaranya gotong-royong, membersihkan kubur serta sumbangan kariah kepada masjid Muhammadiyah, Pattani.

"Selain itu, turut diadakan perkhidmatan kesihatan percuma oleh pelajar perubatan kepada penduduk setempat seperti pemeriksaan darah, gigi, jantung dan sebagainya," katanya.

Menurut Mohd. Ekhwani, sempena program tersebut juga akan diadakan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman

(MoU) di antara UnisZA dan Universiti Pattani bagi merapatkan perhubungan dan jalinan kerjasama.